

**NO. SOALAN: 484**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN R. SIVARASA  
[ SUBANG ]**

**RUJUKAN : 8049**

**SOALAN:**

Tuan R. Sivarasa [ Subang ] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah pekerja asing (dengan pecahan kewarganegaraan) yang telah mendapat kelulusan Pas Pekerja ( *Employment Pass* ) bagi tahun-tahun 2009 hingga 2014.

## **JAWAPAN:**

**Warga asing yang bekerja sebagai professional (mahir) di Malaysia adalah dikenali sebagai pegawai dagang. Pegawai dagang dikategorikan kepada tiga (3) iaitu Pengurusan Tertinggi (*Key Post*), Eksekutif dan Pekerja Mahir. Pegawai dagang dikeluarkan Pas Penggajian bagi membolehkan mereka tinggal dan bekerja secara sah di negara ini.**

**Jumlah pegawai dagang yang berdaftar secara sah dan dikeluarkan Pas Penggajian (*Employment Pass*) bagi tahun 2009 sehingga 2014 adalah seperti berikut:**

<b>BIL.</b>	<b>TAHUN</b>	<b>JUMLAH (ORANG)</b>
1.	2009	32,138
2.	2010	32,583
3.	2011	45,619
4.	2012	61,113
5.	2013	81,991
6.	2014	150,387

**Selain daripada pegawai dagang, terdapat satu lagi kategori pekerja asing yang dibenarkan bekerja di Malaysia bagi jawatan kurang/tidak mahir termasuk kerja-kerja 3D (*Dirty, Dangerous, Difficult*). Pekerja asing kurang/tidak mahir ini adalah merupakan warga asing yang dikeluarkan Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) dan hanya dibenarkan bekerja di lima (5) sektor iaitu sektor pembinaan, perkilangan, perkhidmatan, perladangan dan pertanian serta satu (1) sektor informal iaitu pembantu rumah asing.**

**Jumlah pekerja asing yang memegang Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) yang masih sah dan aktif bagi tahun 2009 sehingga 2014 adalah seperti berikut:**

BIL.	TAHUN	JUMLAH (ORANG)
1.	2009	1,918,146
2.	2010	1,817,871
3.	2011	1,573,061
4.	2012	1,571,589
5.	2013	2,250,322
6.	2014	2,073,414